

Headline	Tabung Haji siap sedia tambah kuota jemaah haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	22	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	179 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,060
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,180



Tabung Haji siap sedia tambah kuota jemaah haji

Shah Alam: Lembaga Tabung Haji (TH) tetap membuat persediaan walaupun Kerajaan Arab Saudi belum memberi kata putus berhubung rayuan menambah 10,000 lagi kuota jemaah Malaysia bagi musim haji tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata antara persediaan yang dibuat ialah dari segi tempat, proses penerbangan serta tenaga bagi mengambil jemaah haji pergi dan balik.

Katanya, biarpun Kerajaan Arab Saudi sudah menjelaskan tiada penambahan jemaah haji berikutan proses pembesaran Masjidil Haram, kerajaan tetap menunggu keputusan rayuan terbabit.

"Biasanya keputusan hanya akan dikeluarkan pada musim haji. Bagaimanapun, TH sudah menyiapkan persediaan awal jika Arab Saudi meluluskan penambahan 10,000 jemaah itu," katanya ketika merasmikan penutupan Persidangan Imam Besar Masjid Negeri Peringkat Kebangsaan di sini, semalam. Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Ahmad Zaharin Mohd Saad turut hadir.

Naik taraf mataf

Jun tahun lalu, Kerajaan Arab Saudi mengeluarkan arahan mengurangkan kuota jemaah semua negara sebanyak 20 peratus berikutan kerja menaik taraf mataf iaitu tempat jemaah melakukan tawaf di Masjidil Haram.

Sebelum ini, kuota jemaah untuk Malaysia adalah kira-kira 28,000 orang dan pengurangan sebanyak 20 peratus membabitkan seramai 5,600 orang.

Selain itu, Jamil Khir berkata, kerajaan sedang mengemas kini kertas kerja bagi memperkasakan mahkamah syariah.

Katanya, kertas kerja terbabit akan diserahkan kepada Majlis Raja-Raja Melayu sebelum membuat keputusan.

"Secara dasar, semua negeri bersetuju tetapi kita masih mantapkan lagi terutama dari sudut teknikal. Tanggungjawab mahkamah turut diambil kira berdasarkan kepada Perlembagaan negara dan agama. Selepas semuanya selesai, kita akan bentangkan (kertas kerja)," katanya.

Headline	Tabung Haji siap sedia tambah kuota jemaah haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	22	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	179 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,060
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,180



*Jamil Khir (empat dari kanan), Ahmad Zaharin (kiri) bersama tetamu di majlis penutup **Persidangan Imam Besar Masjid Negeri Peringkat Kebangsaan** di Shah Alam, semalam.*

[FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA/BH]